

25 NOV 1999

Langkawi-Pembangunan (Fokus berita)

PELBAGAI PROGRAM DIRANGKA UNTUK PEMBANGUNAN LANGKAWI

LANGKAWI, 25 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sewajarnya diberi kalungan tahniah kerana telah dapat menukar Langkawi daripada sebuah pulau terpencil menjadi pulau paling membangun di negara ini.

Langkawi yang pada masa dahulu mempunyai banyak sejarah dan legenda, pada tahun 1987 mendapat status pulau bebas cukai yang memberikan banyak manfaat kepada lebih dari 50,000 penduduk, hasil perhatian yang diberikan Dr Mahathir.

Status itu tentunya menggerakkan pertumbuhan ekonomi terutama bagi mewujudkan pelbagai peluang perniagaan.

Nikmat itu tidak akan terhenti setakat itu kerana Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) kini merangka pelbagai program bagi tahun 2000 terutama untuk menggiatkan industri pelancongan di pulau peranginan itu.

Pengurus Besar LADA Datuk Abdul Halil Mutalib berkata kemajuan itu sepatutnya disyukuri penduduk Langkawi kerana pulau itu kini muncul bukan sahaja sebagai destinasi pelancongan tetapi juga pusat persidangan dan pameran antarabangsa, dan tuan rumah kepada beberapa sukan antarabangsa.

Paling ketara ialah Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA '99) yang telahpun memasuki edisi kelima yang akan diadakan sehari selepas pilihan raya umum, LIMA '99 akan bermula dari 30 Nov hingga 5 Dis ini.

Ini adalah bukti kesungguhan kerajaan untuk menarik kehadiran lebih ramai pelancong ke sini, dan ini bermakna lebih banyak rezeki dibawa untuk penduduk Langkawi.

"Oleh itu, penduduk sebenarnya tidak perlu alternatif lain untuk memajukan negara, khususnya di Langkawi," katanya.

Abdul Halil berkata, pembangunan infrastruktur di pulau legenda ini boleh disifatkan menyeluruh kerana ia telah meliputi semua tempat termasuk pembinaan jalan raya di pekan dan kampung.

Katanya, bekalan api dan air yang disediakan juga telah mencapai hampir 100 peratus, manakala kemudahan lain seperti jeti, kapal kargo dan lapangan terbang adalah lengkap, lebih daripada jangkaan Pelan Induk Infrastruktur Pembangunan Langkawi.

Dari segi kemudahan penginapan ia juga telah mencukupi, ini berdasarkan tahap permintaan, katanya.

"Berdasarkan kajian LADA, Langkawi tidak memerlukan banyak rumah murah kerana kebanyakan penduduk Langkawi sudah memiliki rumah kediaman masing-masing kerana mereka ada tanah sendiri, untuk membina rumah," katanya.

Bersandarkan pembangunan pesat yang menyeluruh di pulau peranginan ini, rakyat di sini sepatutnya bersyukur dengan nikmat yang dikecapi, katanya.

"Walaupun ada pihak yang tidak mendapat nikmat secara langsung hasil pembangunan ini, harus diingat, majoriti penduduk di sini telah mendapat faedahnya.

Bagaimanapun, katanya, LADA sedang berusaha untuk meningkatkan produk pelancongan bagi memastikan lebih ramai pelancong datang ke Langkawi.

Katanya, Langkawi akan mempunyai mercu tanda terbaru apabila sebuah pusat konvensyen antarabangsa dibangunkan di Kuah tahun depan, membabitkan pembinaan "Menara Intan Langkawi" setinggi 307 meter.

Katanya, keseluruhan projek bernilai RM200 juta itu akan dimajukan oleh sebuah syarikat Bumiputera dengan LADA memegang ekuiti 20 peratus.

Projek itu akan dibangunkan di kawasan seluas 8 hektar dan dijangka siap dalam masa 3 tahun.

Selain menara itu, projek berkenaan akan membabitkan pembinaan hotel dan pusat konvensyen yang mampu menampung sehingga 5,000 peserta pada satu-satu masa.

Sebuah lagi projek yang bakal menyumbang kepada pembangunan sektor pelancongan pulau peranginan itu ialah "Perkampungan Oriental" di Teluk Burau yang akan siap awal tahun depan.

Perkampungan itu akan menempatkan 20 gerai barangan berjenama untuk pelanggan kelas atasan dan empat restoran makanan Melayu, Thai, Cina dan Jepun untuk mengambil kesempatan daripada taraf bebas cukai, bagi menjadikan Langkawi syurga membeli belah barangan mewah.

Kajian LADA mendapati barangan yang diminati golongan atasan kurang di sini berbanding keperluan golongan bawahan dan menengah.

Katanya Istana Musim Panas Raja Mongkut di Pantai Kok yang sedang dibaik pulih dengan menelan belanja lebih RM1 juta akan dibuka kepada orang ramai awal tahun depan.

Istana itu digunakan sebagai set penggambaran filem Hollywood "Anna and The King" pada Mac lepas.

Ini menunjukkan tidak ada sebab mereka yang tidak berpuas hati dengan pembangunan yang dicapai untuk mengalih pandangan kepada satu alternatif lain, kata Abdul Halil.

Penduduk Langkawi, katanya, bertuah mendapat perhatian terus Dr Mahathir untuk menggerakkan pembangunan pulau peranginan itu, kerana kemudahan prasarana yang dijalankan telah melangkaui jangkaan pelan induk struktur pembangunan Langkawi.

Sehingga 1997, LADA telah membelanjakan kira-kira RM800 juta untuk pembangunan Langkawi sementara sektor swasta telah melabur sebanyak RM3,400 juta dalam sektor perumahan, hotel, pusat perniagaan dan rekreasi.

-- BERNAMA

NH RI